



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN DAN PENILAIAN
SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

 **Sekolah**
Lestari *Anugerah Alam Sekitar*



GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN DAN PENILAIAN
SEKOLAH LESTARI ANUGERAH ALAM SEKITAR (SLAAS)

 Sekolah
Lestari *Anugerah Alam Sekitar*



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM
JABATAN ALAM SEKITAR

Cetakan Pertama Disember 2004
Cetakan Kedua Januari 2007
Cetakan Ketiga Mac 2012
Cetakan Keempat Disember 2013

Edisi Kedua 2025

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain tanpa mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian:
Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar
ISBN 978-629-97303-3-0

DITERBITKAN OLEH:

Percetakan ASI Sdn. Bhd.

No. 33, Jalan 9/2
Taman IKS Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel: (+603) 8920 0579

TERBITAN BAGI PIHAK:

Jabatan Alam Sekitar

Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Menara Petra
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya, Malaysia
Tel: (+603) 8871 2000/2200
Faks: (+603) 8888 9987/(+603) 8889 1040

DENGAN KERJASAMA:

Kementerian Pendidikan Malaysia
Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
Universiti Kebangsaan Malaysia

 www.doe.gov.my

 Jabatan Alam Sekitar

 @jasmalaysia

 @jabatanalamsekitar

 @JabatanAlamSekitar

GARIS PANDUAN

PELAKSANAAN DAN PENILAIAN
SEKOLAH LESTARI ANUGERAH
ALAM SEKITAR (SLAAS)

 Sekolah
Lestari *Anugerah Alam Sekitar*

KANDUNGAN

1 - Latar Belakang dan Konsep SLAAS	1
2 - Modul Kelab Alam Sekitar Sekolah (KASS)	11
3- Komponen SLAAS	15
Komponen Pengurusan	17
Komponen Kurikulum	18
Komponen Kokurikulum	19
Komponen Penghijauan	20
Komponen Elemen Khas	21
4 - Jadual Kriteria SLAAS	23
5 - Kaedah Penyertaan : Sistem MySLAAS	35
6 - Penilaian dan Penganugerahan SLAAS	39
7 - Info Umum	45
Program Sekolah Lestari (<i>Eco-School</i>) Negara ASEAN	46
Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan Kategori Sekolah Rendah	47
Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan Kategori Sekolah Menengah	48
Senarai Penerima <i>ASEAN Eco-School Award</i> Sekolah Malaysia	49
Galeri SLAAS	50
Maklumat Perhubungan Program SLAAS	56
Senarai Sekretariat SLAAS Jabatan Alam Sekitar (JAS)	57
Penghargaan	58

SENARAI RAJAH

Rajah 1 - Matlamat Pembangunan Lestari	6
Rajah 2 - Lapan (8) Prinsip dan Tujuh (7) Strategi Hijau dalam Dasar Alam Sekitar Negara 2002	7
Rajah 3 - Ekosistem Sokongan SLASS: Kerjasama Pelbagai Pihak	8
Rajah 4 - SLASS sebagai Payung Utama Inisiatif Kelestarian Sekolah	9
Rajah 5 - Objektif SLAAS	10
Rajah 6 - Senarai Aktiviti Terkandung di dalam Modul KASS	12
Rajah 7 - Komponen SLAAS	16
Rajah 8 - Komponen Pengurusan	17
Rajah 9 - Komponen Kurikulum	18
Rajah 10 - Komponen Kokurikulum	19
Rajah 11 - Komponen Penghijauan	20
Rajah 12 - Komponen Elemen Khas	21
Rajah 13 - Elemen Kejayaan SLAAS	34
Rajah 14 - Proses Penyertaan dan Penilaian SLAAS	37

SENARAI JADUAL

Jadual 1 - Kriteria Pengurusan dan Penunjuk Boleh Ukur	24
Jadual 2 - Kriteria Kurikulum dan Penunjuk Boleh Ukur	27
Jadual 3 - Kriteria Kokurikulum dan Penunjuk Boleh Ukur	27
Jadual 4 - Kriteria Penghijauan dan Penunjuk Boleh Ukur	28
Jadual 5 - Kriteria Elemen Khas dan Penunjuk Boleh Ukur	29
Jadual 6 - Kriteria Kejayaan Serta Pengiktirafan dan Penunjuk Boleh Ukur	29
Jadual 7 - Senarai Negara dan Program SLAAS	46
Jadual 8 - Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan (Kategori Sekolah Rendah)	47
Jadual 9 - Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan (Kategori Sekolah Menengah)	48
Jadual 10 - Senarai Penerima <i>ASEAN Eco-School Award</i> Sekolah Malaysia	49

SENARAI CARTA ALIR

Carta Alir 1 - Carta Organisasi Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan	30
Carta Alir 2 - Carta Proses Pelaksanaan SLAAS Peringkat Sekolah	32
Carta Alir 3 - Carta Organisasi Pelaksanaan SLAAS Peringkat Sekolah	33



PRAKATA

Ketua Pengarah Alam Sekitar

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera,

Tahniah kepada Jawatankuasa Garis Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) atas kejayaan menghasilkan garis panduan baharu ini. Sejak diperkenalkan pada tahun 2005, SLAAS telah berkembang sebagai pentas penting dalam memupuk budaya lestari dalam kalangan warga sekolah. Kini, selaras dengan kemajuan teknologi, sistem MySLAAS telah dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi mendigitalkan proses penyertaan dan penilaian, sekali gus menjadikannya lebih mesra pengguna dan efisien.

Program SLAAS bagi sesi 2025/2026 (kitar kesepuluh) memerlukan garis panduan baharu yang lebih sistematik, mudah dan terpadu bersesuaian dengan sistem MySLAAS yang akan mula digunakan untuk sesi ini. Usaha ini merupakan hasil kerjasama erat antara Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan sokongan padu oleh Institut Penyelidikan dan Alam Sekitar (LESTARI), UKM. Garis panduan ini mengekalkan lima (5) komponen utama SLAAS iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan, dan elemen khas bagi membudayakan amalan lestari secara holistik dalam kalangan warga sekolah.

Saya amat berbangga dengan perkembangan positif SLAAS sepanjang dua (2) dekad pelaksanaannya. Sekolah kini lebih proaktif dalam menerapkan nilai-nilai kelestarian, meningkatkan kesedaran dan amalan murid, serta memberi impak positif kepada masyarakat. Semoga garis panduan baharu ini menjadi rujukan yang bermanfaat dan terus memperkukuh usaha kita dalam memelihara alam sekitar dan mendokong pembangunan lestari demi kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

Sekian, terima kasih.



DATU' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar, Malaysia



PRAKATA

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan sokongan padu terhadap usaha Jabatan Alam Sekitar (JAS) dalam menerapkan dan membudayakan kelestarian alam sekitar di sekolah. Ini adalah selaras dengan tujuh (7) Teras Utama yang ditumpukan oleh KPM, salah satunya ialah pembentukan adab dan akhlak dalam kalangan murid. Penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar merupakan sebahagian daripada medium pembinaan adab, akhlak serta disiplin murid. Justeru, KPM amat menitikberatkan aktiviti ke arah meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar di dalam mahupun di luar bilik darjah.

Bagi memastikan kesedaran tentang memelihara dan memulihara kelestarian alam sekitar, KPM telah menjadikannya salah satu agenda dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang sedang dilaksanakan pada masa kini. Perkara ini akan diteruskan dan diperkasakan dalam Kurikulum Persekolahan 2027 di mana Kelestarian Alam Sekitar menjadi subkompetensi di bawah kompetensi Tanggungjawab. Kompetensi ini akan diterapkan dalam kesemua mata pelajaran secara langsung.

Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) merupakan satu bentuk usaha sama yang erat antara kedua-dua kementerian demi mencapai matlamat agar sekolah di Malaysia menjadi institusi yang membentuk kemenjadian murid yang mencintai alam sekitar. Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) atas kejayaan membangunkan sistem MySLAAS dan garis panduan yang baharu ini.

Sekian, terima kasih.



DR. MOHD AZAM BIN AHMAD
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia



BENGKEL
PEMURNIAN PROGRAM SEKOLAH LESTARI
13 & 14 JANUARI 2003
PAN PACIFIC GLENMARIE KUALA LUMPUR
ANJURAN



DENGAN KERJASAMA



LATAR BELAKANG DAN KONSEP SLAAS



1

LATAR BELAKANG

Fungsi utama Jabatan Alam Sekitar (JAS) ialah untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) bagi mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling. Selain menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan kualiti alam sekitar, JAS juga menitikberatkan program kesedaran serta pendidikan alam sekitar kepada seluruh masyarakat, termasuk melalui program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS).



Program SLAAS merupakan manifestasi kerjasama strategik antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha memupuk budaya kelestarian dalam kalangan warga sekolah. Sejak penubuhannya, program ini turut didokong erat oleh Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia, yang berperanan sebagai rakan ilmiah dalam membina asas konseptual, membimbing pelaksanaan serta memperkukuh kaedah penilaian dari peringkat awal sehingga kini. Gabungan sinergi antara agensi kerajaan, institusi pendidikan serta pakar akademik ini menjadi tunjang kejayaan SLAAS dalam melahirkan generasi celik alam sekitar dan komuniti sekolah yang mampan.

Hasil cetusan Simposium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 27 hingga 30 Ogos 2001 di Melaka, satu usaha bersepadu telah digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) serta Maktab Perguruan Teknik dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ketika itu. Inisiatif ini kemudiannya diterjemah kepada pelaksanaan di sekolah-sekolah bermula tahun 2005.

Sebagai permulaan, pada tahun 2004 Garis Panduan ke arah Pembentukan Sekolah Lestari telah diterbitkan bagi membantu sekolah memperkukuh pelaksanaan pendidikan alam sekitar melalui pengintegrasian pengetahuan, kemahiran dan nilai murni dalam kurikulum serta kokurikulum. Program ini secara langsung melibatkan guru dan pelajar serta memberi kesan tidak langsung kepada komuniti setempat. Kini, sempena kitar ke sepuluh (10) Program SLAAS bagi sesi 2025/2026, edisi terkini garis panduan ini telah diperbaharui dengan penambahbaikan termasuk penggunaan sistem digital MySLAAS, selaras dengan aspirasi pendigitalan negara dan pemantapan pengurusan pendidikan alam sekitar di sekolah.



LOGO SLAAS



Menekankan unsur pertumbuhan dan produktiviti warga sekolah. Lima (5) helai daun dalam grafik mewakili komponen pengurusan, penghijauan, kurikulum, kokurikulum dan elemen khas. Grafik bunga raya mewakili identiti Malaysia dan profesion guru yang mulia. Skema warna hijau dan biru bermaksud keceriaan, keharmonian dan kelestarian alam sekitar.



HASRAT SLAAS

SLAAS merupakan inisiatif penting dalam merealisasikan Dasar Alam Sekitar Negara 2002, khususnya menerusi Strategi Hijau pertama yang menekankan pendidikan dan kesedaran terhadap alam sekitar. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1, program ini menggalakkan pemahaman menyeluruh tentang kesejahteraan alam sekitar melalui penerapan pengetahuan, sikap positif dan penglibatan aktif warga sekolah, khususnya murid sebagai generasi pewaris masa depan.

Lapan (8) prinsip dan tujuh (7) strategi hijau yang digariskan dalam Dasar Alam Sekitar Negara 2002 menjadi asas rujukan dalam pelaksanaan program SLAAS, khususnya dalam membudayakan amalan kelestarian di peringkat sekolah melalui pendekatan pendidikan, pengurusan lestari dan penglibatan komuniti. Rajah 2 menunjukkan lapan (8) prinsip dan tujuh (7) strategi hijau dalam Dasar Alam Sekitar Negara 2002.

Tumpuan diberikan kepada lima (5) komponen utama iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan dan elemen khas dalam usaha membentuk persekitaran sekolah yang holistik dan lestari. Penglibatan murid secara aktif dalam pelbagai aktiviti SLAAS bukan sahaja menggalakkan penghayatan nilai-nilai alam sekitar, malah membudayakan amalan hijau dalam kehidupan seharian di sekolah, rumah dan komuniti setempat. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan sahsiah murid yang bertanggungjawab terhadap kelestarian alam.

Selaras dengan aspirasi nasional dan global, program ini memperkukuh peranan sekolah sebagai pemangkin perubahan ke arah pembangunan mampan. Pembudayaan kelestarian dalam kalangan murid melalui nilai sivik, amalan mesra alam dan pengurusan sumber secara bijaksana menjadikan sekolah sebagai institusi pendidikan yang bukan sahaja mendidik, tetapi turut memimpin transformasi ke arah masa depan yang lebih lestari.



Rajah 1: Matlamat Pembangunan Lestari



Rajah 2: Lapan (8) Prinsip dan Tujuh (7) Strategi Hijau dalam Dasar Alam Sekitar Negara 2002

KONSEP SLAAS

Konsep SLAAS berteraskan pendekatan menyeluruh dan bersepadu yang melibatkan seluruh warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (Rajah 3). Melalui pengintegrasian lima (5) komponen utama iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum, penghijauan dan elemen khas, sekolah berperanan bukan sahaja sebagai pusat pembelajaran, tetapi juga sebagai pusat kecemerlangan alam sekitar yang mampu mempengaruhi perubahan sikap dan amalan lestari dalam kalangan murid dan masyarakat.



Rajah 3: Ekosistem Sokongan SLAAS: Kerjasama Pelbagai Pihak

Konsep ini turut menjadi payung kepada pelbagai inisiatif dan aktiviti alam sekitar yang dilaksanakan bersama rakan jaringan di peringkat komuniti hingga antarabangsa, sekali gus memperkukuh pencapaian objektif SLAAS sebagai agen perubahan ke arah pembangunan mampan (Rajah 4).



Rajah 4: SLAAS sebagai Payung Utama Inisiatif Kelestarian Sekolah

DEFINISI SLAAS

SLAAS menggunakan Definisi Pendidikan Alam Sekitar yang dinyatakan:

“Pembelajaran untuk memahami interaksi antara manusia dengan alam sekitar serta cara alam sekitar diurus secara bijaksana dan bertanggungjawab ke arah kelestarian hidupan di bumi. Proses ini melibatkan pendidikan tentang alam sekitar, melalui alam sekitar dan untuk alam sekitar”.

OBJEKTIF SLAAS



Rajah 5: Objektif SLAAS

MODUL KELAB ALAM SEKITAR SEKOLAH (KASS)



2


MODUL KASS

Modul KASS yang diterbitkan oleh JAS pada tahun 2021 merupakan sumber rujukan penting dalam memberi panduan pelaksanaan aktiviti kelab alam sekitar secara terancang, menyeronokkan dan berimpak tinggi di sekolah. Modul ini menyokong usaha pembudayaan amalan lestari dalam kalangan murid melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman dan komuniti.

Sebagai usaha memperkukuh Program SLAAS, dicadangkan agar modul ini diintegrasikan secara menyeluruh dengan memasukkan contoh aktiviti tahunan KASS yang menyokong lima (5) komponen utama SLAAS. Rajah 6 memperincikan sebelas (11) aktiviti utama yang dicadangkan.



Rajah 6: Senarai Aktiviti Terkandung di dalam Modul KASS





KOMPONEN SLAAS



KOMPONEN SLAAS

Pelaksanaan Program SLAAS merangkumi lima (5) komponen utama sebagai teras:



Rajah 7: Lima (5) Komponen SLAAS

KOMPONEN 1: PENGURUSAN

Komponen ini melibatkan proses pentadbiran, pengurusan, perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang merangkumi keseluruhan kawasan serta infrastruktur sekolah. Ini termasuk pejabat, bilik guru, pusat sumber, makmal, bengkel, kantin, tandas, tempat pelupusan sampah dan kawasan lapang.

Komponen pengurusan juga berperanan dalam proses perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti yang melibatkan murid, guru dan komuniti sekolah, termasuk masyarakat setempat seperti pihak swasta, industri dan perniagaan di sekitar kawasan sekolah.


Perancangan, Pembentukan Strategi, Pelaksanaan Pelan Tindakan,
Pemantauan, Penilaian dan Penyemakan Semula



Rajah 8: Komponen Pengurusan

KOMPONEN 2: KURIKULUM

Menerapkan nilai-nilai pendidikan alam sekitar dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta melaksanakan modul rancangan pengajaran dan pembelajaran berkaitan alam sekitar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah, berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). **Kurikulum Persekolahan 2027** akan menjadikan Kelestarian Alam Sekitar sebagai sub-kecekapan di bawah **Kecekapan Tanggungjawab**. Kecekapan ini akan diterapkan dalam kesemua mata pelajaran secara langsung.



PdP – Pengajaran dan Pembelajaran

Rajah 9: Komponen Kurikulum

KOMPONEN 3: KOKURIKULUM

Merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kokurikulum berteraskan alam sekitar secara dalaman atau kerjasama pihak luar samada pihak kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan swasta.




KOMPONEN 4: PENGHIJAUAN

Penghijauan melibatkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti untuk menyediakan ruang dan infrastruktur bagi meningkatkan mutu kualiti persekitaran sekolah yang kondusif serta menjadi pelengkap kepada program keceriaan sekolah.



KOMPONEN 5: ELEMEN KHAS

Program atau aktiviti yang menonjolkan kreativiti, keunikan dan komitmen serta memberikan nilai tambah kepada sekolah dalam usaha kelestarian alam sekitar.



Rajah 12: Komponen Elemen Khas



THE 4th ASEAN Eco-School Award Ceremony



JADUAL KRITERIA SLAAS



JADUAL KRITERIA SLAAS

Pembentukan SLAAS memerlukan kriteria yang jelas dan boleh diukur. Senarai kriteria bersama Penunjuk Boleh Ukur (PBU) bagi setiap komponen telah disusun dan dipaparkan dalam jadual yang disediakan. Satu kriteria khas, iaitu kejayaan dan pengiktirafan, turut dinilai bagi menghargai penglibatan aktif pihak sekolah di semua peringkat dalam membudayakan kelestarian alam sekitar.

Jadual 1: Kriteria Pengurusan dan Penunjuk Boleh Ukur

PENGURUSAN

KRITERIA PENGURUSAN	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR								
Visi & Misi	Mempunyai pernyataan visi dan misi yang jelas, menepati aspirasi kelestarian serta selari dengan agenda kemenjadian murid dan warga sekolah	<ul style="list-style-type: none"> Mempunyai pernyataan visi yang jelas Mempunyai pernyataan (satu atau lebih) misi yang jelas Penyataan visi dan misi didokumentasikan dalam apa-apa bentuk dokumen serta disebarluaskan melalui pelbagai kaedah 								
Objektif	Mempunyai pernyataan objektif pelaksanaan SLAAS yang jelas, praktikal dan boleh dicapai	<p>Penyataan objektif merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Melibatkan setiap lapisan warga sekolah Hasrat bagi menimbulkan kesedaran, perubahan sikap dan amalan Usaha penggunaan sumber yang optimum dan lestari Usaha meningkatkan kualiti persekitaran sekolah yang kondusif Menggalakkan penglibatan pelbagai pihak berkepentingan 								
Organisasi Pelaksanaan	Mempunyai organisasi pelaksanaan SLAAS yang menyeluruh serta berfungsi bagi merancang dan melaksanakan agenda sekolah lestari	<ul style="list-style-type: none"> Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat Sekolah yang ahlinya terdiri daripada: <table border="0"> <tr> <td>▶ Pentadbir sekolah</td> <td>▶ Murid</td> </tr> <tr> <td>▶ Ahli PIBG</td> <td>▶ Rakan Strategik/ PIBKS</td> </tr> <tr> <td>▶ Guru</td> <td>▶ Kontraktor/ Operator</td> </tr> <tr> <td>▶ Kakitangan Sokongan</td> <td></td> </tr> </table> 	▶ Pentadbir sekolah	▶ Murid	▶ Ahli PIBG	▶ Rakan Strategik/ PIBKS	▶ Guru	▶ Kontraktor/ Operator	▶ Kakitangan Sokongan	
▶ Pentadbir sekolah	▶ Murid									
▶ Ahli PIBG	▶ Rakan Strategik/ PIBKS									
▶ Guru	▶ Kontraktor/ Operator									
▶ Kakitangan Sokongan										

		<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan mesyuarat/ perbincangan secara berkala untuk perancangan dan pelaksanaan bagi agenda SLAAS • Dokumentasi mesyuarat/ perbincangan (agenda SLAAS minit mesyuarat, surat panggilan, carta, dan surat lantikan jawatankuasa, kertas kerja, pelaporan pencapaian dan lain-lain yang berkaitan)
<p>Strategi dan Pelan Tindakan Pelaksanaan</p>	<p>Strategi dan pelan tindakan pelaksanaan SLAAS yang menyeluruh, sistematik dan tersusun bagi membolehkan agenda kelestarian sekolah dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Strategi Pengurusan: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Pelaksanaan program kesedaran dan kemahiran ▶ Penyebaran mesej dan maklumat berkenaan alam sekitar ▶ Penajaan kewangan ▶ Penjanaan kewangan ▶ Penambahbaikan peraturan dan dasar ▶ Pembinaan prasarana ▶ Pengembangan jaringan dan jalinan dalam dan luar negara ▶ Penyelenggaraan untuk keberkesanan/ kecekapan • Strategi Penghijauan: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Perancangan ▶ Pelaksanaan aktiviti penghijauan ▶ Penyelenggaraan dan penambahbaikan • Strategi Kurikulum: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Penyediaan Rancangan Pengajaran Tahunan/ Harian • Strategi Kokurikulum: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Perancangan ▶ Pelaksanaan aktiviti ▶ Aktiviti kelab persatuan dan sukan
<p>Penyediaan Prasarana Pengajaran dan Pembelajaran</p>	<p>Prasarana yang dibangunkan bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan alam sekitar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Prasarana yang dibangunkan mengikut kategori: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Taman/ landskap ▶ Pengurusan sisa ▶ Tenaga ▶ Sumber air

		<ul style="list-style-type: none"> • Prasarana yang dibangunkan berfungsi dan menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran serta kokurikulum • Inovasi dan kreativiti dalam pembinaan prasarana
Bajet Pelaksanaan SLAAS	Perolehan penajaan dan penajaan sumber kewangan yang diperolehi merangkumi bentuk dana, barangan dan perkhidmatan yang diperlukan bagi melaksanakan agenda SLAAS	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan penajaan dalam bentuk dana, barangan dan perkhidmatan daripada pihak-pihak yang berkaitan dengan aktiviti kelestarian alam sekitar • Penajaan sumber kewangan dalam bentuk dana, barangan dan perkhidmatan melalui aktiviti kelestarian alam sekitar
Sistem Pemantauan	Kaedah pemantauan yang bertujuan untuk memantau dan menambah baik pelaksanaan program serta aktiviti SLAAS	<ul style="list-style-type: none"> • Garis panduan atau tatacara untuk pemantauan program dan aktiviti • Sistem pemantauan untuk memastikan kelestarian alam sekitar contoh: sistem audit dalaman (seperti pemeriksaan tandas, persekitaran dan lain-lain) yang dibangunkan • Melaksanakan aktiviti penandaarasan (benchmark) dengan sekolah lain yang berjaya sama ada di dalam atau di luar negara • Melantik panel penasihat luar sama ada individu atau institusi bagi mendapatkan bimbingan bagi pelaksanaan SLAAS
Sistem Pelaporan/Hebahan/ Promosi	Mengurus sistem pelaporan/hebahan/ promosi yang tersusun dan berterusan agar pelaporan aktiviti kelestarian didokumentasikan dan menonjol/ ketampakan kepada umum	<ul style="list-style-type: none"> • Penyediaan laporan program dan aktiviti yang disahkan oleh guru besar/ pengetua sekolah • Kepelbagaian hebahan aktiviti program dalam pelbagai pelantar seperti media sosial, media massa, media elektronik, media cetak dan lain-lain yang berkaitan • Jangkauan hebahan yang meluas kepada pelbagai sasaran
Jaringan dan Jalinan Kerjasama (dalam dan luar negara)	Penglibatan rakan kerjasama sama ada secara dalaman atau luaran (dalam dan luar negara) sekolah	<p>Mewujudkan jaringan dan jalinan kerjasama bersama:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Entiti dalaman sekolah (PIBG dan lain-lain) • Komuniti setempat (KRT dan lain-lain) • Agensi Peringkat Daerah • Agensi Peringkat Negeri • Agensi Peringkat Kebangsaan (Kementerian dan lain-lain) • Agensi Peringkat Antarabangsa

Jadual 2: Kriteria Kurikulum dan Penunjuk Boleh Ukur

KURIKULUM

KRITERIA KURIKULUM	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR
Pendidikan Merentasi Bidang	Penerapan yang jelas elemen-elemen alam sekitar dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dalam pelbagai mata pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Mata pelajaran yang terlibat dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Contoh: Geografi, Sains • Dinyatakan dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH)
Implementasi Kurikulum berkaitan Alam Sekitar dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)	Pelbagai aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan dengan menyepadukan elemen alam sekitar merentasi pelbagai mata pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti- aktiviti yang dijalankan dalam PdP pada pelbagai peringkat: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Peringkat kelab/ sekolah ▶ Peringkat daerah ▶ Peringkat negeri ▶ Peringkat kebangsaan ▶ Peringkat antarabangsa • Kreativiti dan inovasi yang diterapkan dalam PdP

Jadual 3: Kriteria Kokurikulum dan Penunjuk Boleh Ukur

KOKURIKULUM

KRITERIA KOKURIKULUM	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR
Implementasi Aktiviti Kokurikulum	Pelaksanaan aktiviti kokurikulum yang berteraskan elemen alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Penglibatan dan pelaksanaan aktiviti yang menyokong aktiviti kokurikulum pada pelbagai peringkat: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Sebagai penganjur peringkat kelab/ sekolah ▶ Sebagai penganjur peringkat daerah ▶ Sebagai penganjur peringkat negeri ▶ Sebagai penganjur peringkat kebangsaan ▶ Sebagai penganjur peringkat antarabangsa ▶ Sebagai peserta peringkat sekolah (sekolah lain)

		<ul style="list-style-type: none"> ▶ Sebagai peserta peringkat daerah ▶ Sebagai peserta peringkat negeri ▶ Sebagai peserta peringkat kebangsaan ▶ Sebagai peserta peringkat antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> • Kreativiti dan inovasi pelaksanaan aktiviti
Pembangunan Keupayaan	Peningkatan keupayaan warga sekolah dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Impak/ keberkesanan aktiviti kurikulum dan kokurikulum

Jadual 4: Kriteria Penghijauan dan Penunjuk Boleh Ukur

PENGIJAUAN

KRITERIA PENGIJAUAN	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR
Inisiatif Penghijauan	Pelaksanaan inisiatif penghijauan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • Inisiatif penghijauan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah (contoh: program penanaman pokok, kebun/ ladang) • Kaedah pelaksanaan inisiatif penghijauan termasuklah dari segi: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Tersusun dan sistematik ▶ Terdapat panduan pelaksanaan ▶ Pendekatan yang lestari (berterusan) • Kreativiti dan inovasi (produk dan teknologi) • Impak/ outcome
Pengurusan Sumber ke Arah Kecekapan dan Penjimatan	Penggunaan kaedah/ teknologi hijau ke arah kecekapan dan penjimatan	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan kaedah/ teknologi hijau • Impak penggunaan kaedah/ teknologi hijau kepada sekolah

Jadual 5: Kriteria Elemen Khas dan Penunjuk Boleh Ukur

ELEMEN KHAS

KRITERIA ELEMEN KHAS	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR
<p>Elemen/ perkara/ hasil yang unik dilaksanakan oleh sekolah dalam aspek kelestarian</p>	<p>Sebarang projek, inisiatif atau pendekatan unik yang ingin diketengahkan merangkumi aspek-aspek:</p> <ul style="list-style-type: none"> • jaringan dan jalinan yang cemerlang • projek/ aktiviti berimpak tinggi • inovasi kaedah/teknologi baharu 	<ul style="list-style-type: none"> • Penilai melihat keunikan projek/ inisiatif/ kaedah: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Penglibatan warga sekolah ▶ Tahap penglibatan (daerah, negeri, kebangsaan, antarabangsa) ▶ Penglibatan pihak- pihak berkepentingan luar • Impak kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar: <ul style="list-style-type: none"> ▶ Impak kepada sumber ▶ Impak kumpulan sasaran ▶ Impak kepada ekosistem ▶ Impak kewangan ▶ Impak jaringan ▶ Impak sosial

Jadual 6: Kriteria Kejayaan Serta Pengiktirafan dan Penunjuk Boleh Ukur

KEJAYAAN & PENGIKTIRAFAN

KRITERIA KEJAYAAN & PENGIKTIRAFAN	PENERANGAN	PENUNJUK BOLEH UKUR
<p>Kejayaan dan Pengiktirafan</p>	<p>Kejayaan dan pengiktirafan sekolah dalam pelbagai bidang berkaitan alam sekitar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peringkat Daerah • Peringkat Negeri • Peringkat Kebangsaan • Peringkat Antarabangsa • Lain-lain pengiktirafan yang berkenaan 	<p>Kejayaan dan pengiktirafan sekolah dalam pelbagai bidang berkaitan alam sekitar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peringkat Daerah • Peringkat Negeri • Peringkat Kebangsaan • Peringkat Antarabangsa

Pelaksanaan Program SLAAS di Malaysia oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) digerakkan melalui dua (2) jawatankuasa bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan program, iaitu:


- Jawatankuasa Pemandu
- Jawatankuasa Teknikal

Dua (2) Jawatankuasa ini disokong oleh Sekretariat JAS di bawah Peringkat Kebangsaan.



Carta Alir 1: Carta Organisasi Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan

TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PERINGKAT KEBANGSAAN



JAWATANKUASA PEMANDU


1. Menyemak dan mengesahkan senarai penganugerahan oleh Jawatankuasa Teknikal; dan
2. Menyemak dan mengesahkan tatacara dan langkah untuk pemantapan program setiap kitar.

JAWATANKUASA TEKNIKAL


1. Penetapan tatacara penilaian untuk penganugerahan;
2. Bertanggungjawab mempromosikan anugerah, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kelestarian serta menggalakkan penyertaan, di samping menguruskan saluran komunikasi seperti laman sesawang, media sosial dan siaran akhbar;
3. Mengesahkan pelantikan Panel Penilai bagi setiap kitar;
4. Memberi panduan tentang aspek teknikal inisiatif kelestarian dan amalan terbaik;
5. Membantu dalam menilai keberkesanan dan kesan usaha kelestarian sekolah;
6. Mengesyorkan senarai penerima penganugerahan kepada Jawatankuasa Pemandu; dan
7. Menyediakan laporan pengiktirafan dan penarafan.

SEKRETARIAT JAS

1. Bertanggungjawab untuk mempromosi anugerah, meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu kelestarian serta menggalakkan penyertaan; di samping menguruskan saluran komunikasi seperti laman sesawang, media sosial dan siaran akhbar;
2. Menyokong inisiatif anugerah dan menyumbang sumber, kepakaran atau pembiayaan; dan
3. Menyemak kesediaan data dan bukti.



Carta Alir 2: Carta Proses Pelaksanaan SLAAS di Peringkat Sekolah



Carta Alir 3: Carta Organisasi Pelaksanaan SLAAS
Peringkat Sekolah

Kejayaan pelaksanaan SLAAS didokong oleh elemen-elemen seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13. Setiap elemen saling melengkapi dan perlu digerakkan secara bersepadu bagi memastikan keberkesanan program.



Rajah 13: Elemen Kejayaan SLAAS

KAEDAH PENYERTAAN: SISTEM MySLAAS




5


KAEDAH PENYERTAAN: SISTEM MySLAAS

Sistem MySLAAS telah dibangunkan sepenuhnya menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12). Pembangunan sistem ini dimulakan pada tahun 2023 dan telah *go-live* pada 4 Jun 2024. Pelaksanaan MySLAAS ini mengambil kira maklum balas daripada guru-guru yang sebelum ini terbeban dengan penyediaan dokumentasi SLAAS di samping melaksanakan tugas hakiki.

Penyertaan menjadi lebih mudah melalui kaedah pendigitalan yang ditawarkan oleh sistem MySLAAS. Masa guru turut dapat dijimatkan kerana sistem ini lebih mesra pengguna. Penggunaan sistem ini dijangka dapat meningkatkan penyertaan SLAAS pada masa akan datang serta melahirkan lebih banyak sekolah lestari di Malaysia.

Portal bagi sistem ini boleh dilayari oleh pengguna untuk mendapatkan informasi terkini mengenai program SLAAS yang boleh diakses melalui <https://slaas.doe.gov.my>. Penyertaan dan penilaian program SLAAS bagi sesi 2025/2026 (kitaran kesepuluh) akan dilaksanakan melalui sistem MySLAAS.





Rajah 14: Proses Penyertaan dan Penilaian SLAAS

ANUGERAH ANUGERAH ALAM SEKITA



PENILAIAN DAN PENGANUGERAHAN SLAAS



6

PENILAIAN SLAAS

Program SLAAS dilaksanakan selama dua (2) tahun bagi setiap kitaran, iaitu:

- i. Tahun pertama: promosi kepada sekolah-sekolah
- ii. Tahun kedua: penilaian dan penganugerahan

Program SLAAS merangkumi dua (2) peringkat penilaian yang terdiri daripada agensi-agensi berikut sebagai panel penilai iaitu:

Penilaian Peringkat Negeri:

- | | |
|------------------------------------|--|
| i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) | ii. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) |
| iii. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) | iv. Rakan Strategik (Industri, NGO)
<i>-sekiranya ada</i> |

Penilaian Peringkat Kebangsaan:

- | | |
|---|---|
| i. Jabatan Alam Sekitar (JAS) | ii. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) |
| iii. Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), UKM | |



PECAHAN MARKAH BAGI PENILAIAN SLAAS PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN

PERINGKAT	JENIS PENILAIAN	PERATUS MARKAH
Negeri	Pelaporan mengenai aktiviti kelestarian sekolah yang dimasukkan melalui sistem MySLAAS	60 %
	Video berdurasi 5 minit yang dimuat naik dalam sistem MySLAAS	40 %
	Lawatan tapak (jika perlu)	Lawatan tapak ke sekolah untuk tujuan verifikasi boleh dilaksanakan sekiranya perlu (tanggungjawab Pejabat JAS negeri)
Kebangsaan	Pelaporan dan video mengenai aktiviti kelestarian sekolah yang dimasukkan melalui sistem MySLAAS	70 %
	Temu bual (viva) dua hala antara panel penilai kebangsaan bersama murid di bawah bimbingan guru (15 buah sekolah rendah dan 15 buah sekolah menengah)	30 %
	Lawatan tapak 1 hingga 3 buah sekolah	Panel Penilai Kebangsaan akan melaksanakan lawatan verifikasi, jika perlu, bagi menentukan penerima Anugerah Kebangsaan bagi setiap kategori (1-3 sekolah)

NOTA PENTING: Pecahan markah serta kaedah penilaian SLAAS boleh berubah mengikut keperluan dan penyesuaian terkini. Layari portal MySLAAS untuk maklumat terkini.



PELAKSANAAN PROGRAM SLAAS

Kaedah Pelaksanaan

Penilaian dan Penganugerahan dilaksanakan di peringkat negeri dan kebangsaan.




Peringkat Kebangsaan



Lawatan verifikasi melibatkan satu (1) hingga tiga (3) buah sekolah akan dilaksanakan tertakluk pada keperluan dan ketersediaan peruntukan Jabatan.



Peringkat Negeri



Lawatan tapak ke sekolah (1-3 sekolah) proses verifikasi

NOTA PENTING: Kaedah pelaksanaan program SLAAS mungkin berubah mengikut keperluan dan penyesuaian terkini. Layari portal MySLAAS untuk mendapatkan maklumat terkini.

PENGANUGERAHAN SLAAS

Sebagai pengiktirafan tertinggi kepada sekolah yang komited dalam mengamalkan kelestarian alam sekitar secara menyeluruh, JAS menganjurkan Penganugerahan SLAAS bagi meraikan usaha cemerlang warga sekolah bersama komuniti dalam membudayakan pendidikan dan amalan mesra alam.

Struktur Penganugerahan

Program ini dilaksanakan melalui tiga (3) peringkat utama, iaitu:

Peringkat Negeri:

Semua sekolah dinilai oleh Panel Penilai Negeri berdasarkan jumlah penyertaan yang diterima. Sekretariat JAS negeri akan menghantar pencalonan ke peringkat kebangsaan.

Peringkat Kebangsaan:

Setiap JAS negeri mencalonkan dua (2) buah sekolah terbaik, iaitu satu (1) sekolah rendah dan satu (1) sekolah menengah untuk bersaing di peringkat kebangsaan.

Peringkat Serantau (ASEAN):

Sekolah rendah dan menengah yang menjuarai Anugerah Sekolah Lestari Peringkat Kebangsaan akan mewakili Malaysia di pentas antarabangsa bagi menerima *ASEAN Eco-School Award* yang dianjurkan oleh *ASEAN Working Group on Environment and Education (AWGEE)*.



Kategori Penganugerahan SLAAS

Anugerah Utama:

Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan

Wang tunai **RM10,000**, piala iringan dan sijil penghargaan kepada sekolah rendah dan menengah terbaik.



Anugerah Khas:

Dianugerahkan berdasarkan kekuatan dan pencapaian tertentu, yang merangkumi kategori berikut:

- Anugerah Khas (Pengurusan)
- Anugerah Khas (Kurikulum)
- Anugerah Khas (Kokurikulum)
- Anugerah Khas (Pengahijauan)
- Anugerah Khas (Elemen Khas)
- Anugerah Khas (Kejayaan & Pengiktirafan)

Setiap penerima Anugerah Khas akan menerima plak penghargaan dan sijil rasmi.



Peringkat ASEAN: ASEAN Eco-School Award

ASEAN Eco-School Award merupakan program yang dianjurkan oleh ASEAN Secretariat (ASEC) di bawah ASEAN Working Group on Environment and Education (AWGEE) bagi memberi pengiktirafan kepada sekolah dalam kalangan ASEAN Member States (AMS) yang telah diiktiraf sebagai sekolah lestari di negara masing-masing.

Penganugerahan ASEAN Eco-School Award lazimnya diadakan setiap empat (4) tahun, dan majlis penganugerahan biasanya dilangsungkan bersekali dengan ASEAN Ministerial Meeting on the Environment (AMME). Anugerah ini mula diperkenalkan pada tahun 2012 sempena Tahun Pendidikan Alam Sekitar ASEAN (AEY 2012) yang dihoskan oleh Malaysia. Kali terakhir majlis ini diadakan ialah pada Ogos 2023 di Vientiane, Lao PDR. Edisi seterusnya, iaitu edisi kelima (5), dijangka berlangsung pada tahun 2027 di bawah giliran penganjuran negara ASEAN yang berikutnya.

Galakan Kerjasama Rakan Strategik

Bagi memperkukuh impak dan memperluas manfaat program SLAAS, JAS mengalu-alukan penyertaan rakan strategik yang terdiri daripada sektor swasta, badan korporat, NGO, universiti dan komuniti tempatan.

- Sumbangan kewangan
- Bahan pendidikan dan latihan
- Hadiah dan peralatan
- Sokongan teknikal dan kepakaran

Komitmen bersama ini diyakini dapat memperkukuh usaha transformasi sekolah ke arah membentuk ekosistem pendidikan yang lestari, berinovasi serta inklusif, selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan dan pembangunan mampan. Rekod terkini, JAS telah menjalin kerjasama strategik bersama Yayasan Bank Rakyat dan Yayasan Mr. DIY dalam pelaksanaan program SLAAS.



INFO UMUM



7

PROGRAM SEKOLAH LESTARI (*ECO-SCHOOL*) NEGARA ASEAN



Jadual 7: Senarai Negara dan Program Sekolah Lestari

NEGARA	PROGRAM SEKOLAH
▶ Brunei Darussalam	<i>Green School Initiative</i>
▶ Cambodia	<i>Sala Kuma Metrei (Child-Friendly Schools)</i>
▶ Indonesia	<i>Eco-School (Adiwiyata)</i>
▶ Lao PDR	<i>Honghiane Khunnaphap (School Of Quality)</i>
▶ Malaysia	<i>Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (Sustainable School Environment Award)</i>
▶ Myanmar	<i>Clean, Green and Esteemed Schools</i>
▶ Philippines	<i>Sustainable and Eco-friendly Schools</i>
▶ Singapore	<i>Singapore Green Audit School Award</i>
▶ Thailand	<i>Eco-School</i>
▶ Viet Nam	<i>Green, Clean and Beautiful School</i>

SENARAI PENERIMA ANUGERAH SLAAS PERINGKAT KEBANGSAAN KATEGORI SEKOLAH RENDAH



Jadual 8: Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan
(Kategori Sekolah Rendah)

NAMA SEKOLAH	NEGERI	SESI
1. Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, Johor Bahru	Johor	2023/2024
2. Sekolah Kebangsaan Air Merah, Kulim	Kedah	2020-2022
3. Sekolah Kebangsaan Putra, Kangar	Perlis	2018/2019
4. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Kemaman	Terengganu	2017/2018
5. Sekolah Kebangsaan Bukit Baru, Melaka Tengah	Melaka	2013/2014
6. Sekolah Kebangsaan Bandar Pusat, Bandar Tun Razak, Jengka	Pahang	2011/2012
7. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tung Hua, Sibu	Sarawak	2009/2010
8. Sekolah Kebangsaan Bakri Batu 5, Muar	Johor	2007/2008
9. Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chi Hwa, Sandakan	Sabah	2005/2006

SENARAI PENERIMA ANUGERAH SLAAS PERINGKAT KEBANGSAAN KATEGORI SEKOLAH MENENGAH



Jadual 9: Senarai Penerima Anugerah SLAAS Peringkat Kebangsaan
(Kategori Sekolah Menengah)

NAMA SEKOLAH	NEGERI	SESI
1. Sekolah Menengah St. Patrick, Tawau	Sabah	2023/2024
2. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Keramat, Kuala Lumpur	Selangor	2020-2022
3. Sekolah Menengah St Patrick, Tawau	Sabah	2018/2019
4. Sekolah Menengah St Michael, Penampang	Sabah	2017/2018
5. Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Aman, Kota Tinggi	Johor	2013/2014
6. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Onn, Butterworth	Pulau Pinang	2011/2012
7. Sekolah Menengah St. Michael, Penampang	Sabah	2009/2010
8. Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Methodist, George Town	Pulau Pinang	2007/2008
9. Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Peter Mojuntin, Penampang	Sabah	2005/2006

SENARAI PENERIMA ASEAN ECO-SCHOOL AWARD SEKOLAH MALAYSIA



Jadual 10: Senarai Penerima ASEAN Eco-School Award Sekolah Malaysia

	SEKOLAH RENDAH	SEKOLAH MENENGAH
ASEAN ECO-SCHOOL AWARD 2012	SJK (C) TUNG HUA, SIBU, SARAWAK	SM ST MICHAEL, PENAMPANG, SABAH
ASEAN ECO-SCHOOL AWARD 2015	SK BUKIT BARU, MELAKA	SMK SRI AMAN, KOTA TINGGI, JOHOR
ASEAN ECO-SCHOOL AWARD 2018	SJK (C) KUALA KEMAMAN, TERENGGANU	SM ST MICHAEL, PENAMPANG, SABAH
ASEAN ECO-SCHOOL AWARD 2023	SM ST. PATRICK, TAWAU, SABAH	SK PUTRA, KANGAR, PERLIS



**Penggunaan
tin aluminium
kipas solar
untuk
keceriaan**


**Penggunaan
tayar terpakai
untuk
keceriaan**



Penggunaan tong kitar semula



Sistem tadahan air hujan



Taman Akuaponik

Taman sayuran





Stesen pembelajaran dari barangan terpakai

Sesi penilaian di sekolah



Kitar semula kertas menjadi barang perhiasan



Sesi pameran oleh sekolah sempena lawatan penilaian



Majlis Penganugerahan SLAAS Peringkat Negeri bagi Sesi 2023/2024

Majlis Penganugerahan SLAAS Peringkat Kebangsaan bagi Sesi 2020-2022



MAKLUMAT PERHUBUNGAN PROGRAM SLAAS

IBU PEJABAT JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1-4, Podium 2 & 3. Menara PETRA
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8871 2000
Faks : 03-8888 9987
FB : Jabatan Alam Sekitar
Laman web : <https://www.doe.gov.my>

IBU PEJABAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1 & 7, Blok E13, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8884 1001
Faks : 03-8884 1034
FB : Kementerian Pendidikan Malaysia
Laman web : <https://www.moe.gov.my>

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, 6-8, Blok E9, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Tel : 03-8884 2000
Faks : 03-8888 9917
FB : Kementerian Pendidikan Malaysia
Laman web : <http://bpk.moe.gov.my/>

SENARAI SEKRETARIAT SLAAS JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)



NO.	JAS NEGERI	ALAMAT E-MEL (@doe.gov.my)	TELEFON
1.	Johor	slaasjohor	07-5500522
2.	Kedah	slaaskedah	04-7332832
3.	Kelantan	slaaskelantan	09-7414888
4.	Melaka	slaasmelaka	06-2345720
5.	Negeri Sembilan	slaasnsembilan	06-7649017
6.	Pahang	slaaspahang	09-5730636
7.	Perak	slaasperak	05-2542744
8.	Perlis	slaasperlis	04-7973100
9.	Pulau Pinang	slaaspenang	04-5751911
10.	Selangor	slaasselangor	03-55214000
11.	Terengganu	slaasterengganu	09-6261044
12.	Sabah	slaassabah	088-488166
13.	Sarawak	slaassarawak	082-4825335
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya	slaaskl	03-89939023
15.	Wilayah Persekutuan Labuan	slaaslabuan	087-408772

PENGHARGAAN

KEAHLIAN JAWATANKUASA PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN

Penasihat :

YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia

Ahli :

Pn. Hjh Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS

Prof. Dr. Ahmad Fariz bin Mohamed, LESTARI UKM

En. Nik Mohd Noor Faizul bin Md Saad, ALAF UKM

En. Kumaresan a/l M. Subramaniam, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM

En. Norhaziruldin bin Ibrahim, Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM

Pn. Illy Nadia binti Barudin, Pegawai Khas, Pejabat Ketua Setiausaha, KPM

En. Mohd Helmi bin Ahmad, JAS Putrajaya

Pn. Zuraini binti Siam, JAS Putrajaya

Pn. Roslina binti Diwa, JAS Putrajaya

Pn. Siti Sarah binti Mansha, JAS Putrajaya

Pn. Nooren Zeeana binti Azis, Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM

Pn. Faiizah binti Arshad, JAS Pulau Pinang

En. Tuan Kaswaze bin Tuan Kub, JAS Putrajaya

Pn. Siti Sahara binti Adam, JAS Putrajaya

Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada pegawai yang bertanggungjawab menguruskan SLAAS di Jabatan Alam Sekitar Negeri dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia serta semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

“*Alam Sekitar
Tanggungjawab Bersama*”

 **Sekolah**
Lestari *Anugerah Alam Sekitar*



Jabatan Alam Sekitar Malaysia,
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam,
Aras 1-4, Podium 2 & 3, Menara PETRA, No. 25, Persiaran Perdana,
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya, Malaysia.
Tel: (+603) 8871 2000 Faks: (+603) 8888 9987
www.doe.gov.my

